

16/03/2004

Jangan pilih `ubat luput tempoh': Dr Ling

GEORGETOWN: Bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengingatkan pengundi agar tidak memilih `ubat yang luput tempoh' seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh dalam pilihan raya umum Ahad ini.

Katanya, pengundi di mana-mana saja termasuk Pulau Pinang dan khususnya di Bukit Gelugor amat tahu apa yang patut dibuat.

"Sebagai doktor, saya nak beritahu ubat yang luput tempoh sangat bahaya, untuk simpan dalam rak juga salah, orang beli salah, makan dan kena. Simpan dalam laci juga salah, satu hari jatuh, anjing, kucing makan, tikus pun tak boleh makan.

"Jadi, pentingnya saya nasihatkan orang jangan ambil ubat yang luput tempoh. Jika anda tak sihat, beli ubat yang baik, jangan ambil ubat yang luput tempoh," katanya pada sidang akhbar ketika mengunjungi pusat khidmat calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Bukit Gelugor di Paya Terubong dekat sini, semalam.

Hadir sama calon BN Parlimen Bukit Gelugor, Lim Boo Chang dan isteri Dr Ling, Datin Seri Ena Ling.

Jumaat lalu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menyamakan Pengerusi DAP, Lim dan timbalannya, Karpal sebagai `ubat yang luput tempoh' kerana perjuangan politik mereka sudah ketinggalan zaman.

"Tak boleh simpan, kena dibuang, ini bukan saya cakap, ia dikatakan oleh kawan baik mereka (Abdul Hadi).

"Mungkin boleh digunakan pada 1970-an dan 1980-an tapi sekarang sudah tamat tempoh," katanya.

Beliau berkata, 10 tahun lalu, Kit Siang dan Karpal membuat keputusan untuk tidak mahu berkawan dengan Umno, MCA, Tun Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Mereka nak berkawan baik dengan Abdul Hadi, Nik Aziz kerana mereka rasa bergabung dengan Pas dapat tubuhkan kerajaan," katanya.